

**TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN CALON YANG TERLIBAT DI DALAM URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN**

1. Menghebahkan dan memaklumkan urusan kenaikan pangkat kepada semua calon di bawah penyeliaan masing-masing yang layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Memastikan bahawa maklumat calon di dalam HRMIS dikemaskini.
3. Memastikan bahawa maklumat perkhidmatan calon di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) dikemaskini.
4. Menyemak maklumat-maklumat perkhidmatan calon yang terlibat di dalam urusan kenaikan pangkat secara TBBK di dalam sistem **eOperasi adalah dikemaskini dan tepat.**
5. Memastikan perkhidmatan calon yang terlibat di dalam urusan kenaikan pangkat secara TBBK di dalam sistem **ePangkat adalah dikemaskini dan tepat.**
6. Menyemak serta memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat yang diberikan oleh calon.
7. Memastikan hanya permohonan yang memenuhi syarat umum dan syarat khusus kenaikan pangkat secara TBBK sahaja dikemukakan menerusi ePangkat.
8. Membuat Penilaian Kriteria Kecemerlangan dengan **kadar segera tanpa menunggu iklan TBBK dibuka di ePangkat** bagi calon yang terikat dengan syarat kriteria kecemerlangan.
9. **Mengingatkan calon yang gagal dalam Penilaian Kriteria Kecemerlangan, bahawa beliau boleh membuat rayuan dan rayuan calon, jika ada, perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Rayuan Penilaian Kriteria Kecemerlangan.**
10. **Memuatnaik sesalinan muka surat hadapan (kenyataan lantikan tetap dan pengesahan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dalam perkhidmatan) dan muka surat belakang (kenyataan perkhidmatan yang terkini) dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan PPP/PKP (Sila rujuk Lampiran D).**
11. **Memuatnaik Borang Akuan Pilihan TBBK Ex-PPPLD yang telah diisi dan ditandatangani oleh calon dalam ePangkat dan perlu direkodkan di dalam BPK PPP tersebut.**
12. **Memasukkan markah Kriteria Kecemerlangan dan markah Rayuan Kriteria Kecemerlangan di dalam maklumat perakuan calon yang tertakluk kepada pemakaian Kriteria Kecemerlangan beserta ulasan (MANDATORI).**
13. Mengemukakan perakuan calon-calon di bawah seliaan dengan kadar segera tanpa menunggu sehingga saat-saat akhir untuk berbuat demikian.

14. Hanya **mengemukakan calon yang belum diperakukan dan lengkap sahaja** bagi sebarang **Urusan Kenaikan Pangkat secara TBBK**.
15. Memaklumkan dan memanjangkan maklumat berkaitan "**Tanggungjawab Calon Yang Terlibat Di Dalam Urusan Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan**" seperti di Lampiran B1 dan Lampiran B2 kepada calon.